	DASAR PEMATUHAN PENGGUNA SISTEM PIHAK KETIGA LPKtn-ISMS-P1-13	ISO/IEC 27001:2022
	M/S : 1 / 3	Terbitan : 5

1. Dasar ini dibuat bertujuan memastikan sistem dan aplikasi digunakan oleh pengguna pihak ketiga dengan berhemah dan berintegriti selaras dengan keperluan ISO/IEC 27001:2013 serta akta dan peraturan.
2. **Pihak Ketiga** merujuk kepada pihak yang menggunakan sistem dan aplikasi LPKtn selain dari anggota pekerja.
3. Dasar ini akan disemak dari semasa ke semasa jika perlu.

4. PENGGUNAAN SISTEM


- 4.1. Penggunaan sistem dan aplikasi adalah tertakluk di bawah akta-akta yang terkandung dalam Dasar Keselamatan LPKtn.
- 4.2. Penggunaan sistem dan aplikasi hanyalah terhad kepada batas fungsi dan akses yang dibenarkan kepada tahap penggunaan yang diizinkan.
- 4.3. Tujuan penggunaan adalah terhad dan tertakluk kepada jenis capaian mengikut pengesahan dan kelulusan oleh LPKtn.

5. HAD PEMILIKAN AKAUN PENGGUNA

- 5.1. Pemilikan akaun adalah terhad kepada penama yang didaftarkan sahaja selagi penama tersebut masih lagi bekerja dengan syarikat yang didaftarkan.
- 5.2. Pemilikan akaun pengguna tidak boleh dikongsi atau dipindah milik kepada pengguna lain sama ada dengan atau tanpa izin penama yang didaftarkan.
- 5.3. Penama yang didaftarkan bertanggungjawab melaporkan kepada LPKtn sekiranya telah bertukar tempat atau berhenti kerja dengan syarikat yang didaftarkan.
- 5.4. Majikan kepada penama yang didaftarkan perlu memastikan penama yang didaftarkan bagi pihak syarikat adalah bersih dari sebarang rekod jenayah. Pemilikan akaun dikira terbatal dan tidak sah sekiranya penama yang didaftarkan terlibat dengan kes jenayah. Majikan bertanggungjawab untuk memaklumkan perkara ini kepada LPKtn pada kadar segera.

6. TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI

- 6.1. Setiap pengguna sistem dan aplikasi bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas mengikut fungsi jenis akaun yang dimiliki (Rujuk perkara 3.3)

	DASAR PEMATUHAN PENGGUNA SISTEM PIHAK KETIGA LPKtn-ISMS-P1-13	ISO/IEC 27001:2022
	M/S : 2 / 3	Terbitan : 5


- 6.2. Pengguna bertanggungjawab memastikan segala maklumat yang diisytiharkan adalah terkini dan benar pada tarikh dan masa pengisytiharan dibuat.
- 6.3. Pengguna bertanggungjawab menyediakan dokumen pengisytiharan yang bersesuaian dengan keperluan sistem dan aplikasi.
- 6.4. Sebarang komunikasi melalui sistem adalah rahsia dan bertujuan untuk kegunaan pengguna terlibat sahaja.
- 6.5. Penama yang didaftarkan dan syarikat diwakilinya adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pengisytiharan maklumat dan implikasi perundangan, kewangan serta keselamatan yang berlaku diakibatkan oleh ketidakakuran tersebut.
- 6.6. Sekiranya terdapat kesilapan pada maklumat pengisytiharan, pengguna bertanggungjawab untuk membuat pembetulan maklumat pada kadar segera.

7. AKSES

- 7.1. Akses kepada sistem dan aplikasi hanya dibenarkan dibuat menggunakan komputer atau gajet milik persendirian, atau hak milik syarikat yang dikhususkan penggunaannya kepada penama yang didaftarkan atau dikhususkan untuk penggunaan Sistem dan aplikasi oleh syarikat.
- 7.2. Sekiranya penama yang didaftarkan terpaksa mengakses sistem dan aplikasi melalui komputer awam, atau komputer yang dikongsi oleh pengguna lain, sila pastikan pelayar web tidak memilih untuk mengingati *username* dan *password* pengguna. Setelah selesai, sila log keluar dan padamkan maklumat pelayaran yang disimpan pada ruangan sejarah.

8. KEGAGALAN SISTEM

- 8.1. Sekiranya berlaku kegagalan sistem dan aplikasi, pengguna bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Unit IT LPKtn ditalian 09-5858000 pada kadar segera.
- 8.2. Pengisytiharan secara manual perlu dibuat sekiranya kegagalan sistem berterusan melebihi 24 jam atau atas arahan LPKtn.

	DASAR PEMATUHAN PENGGUNA SISTEM PIHAK KETIGA LPKtn-ISMS-P1-13	ISO/IEC 27001:2022
	M/S : 3 / 3	Terbitan : 5

9. LATIHAN

Pengguna sistem bertanggungjawab untuk menghadiri sebarang latihan penggunaan Sistem dan aplikasi sekiranya perlu.

10. INTEGRITI MAKLUMAT PENGISYTIHARAN

Pengguna bertanggungjawab memastikan integriti maklumat pengisytiharan yang tepat dibuat melalui sistem dan aplikasi.

11. PENALTI

Jika pengguna sistem dan aplikasi didapati melanggar syarat-syarat di atas maka pengguna tersebut boleh dikenakan tindakan disenarai hitam daripada melakukan sebarang urusan berkaitan dan aplikasi dengan Lembaga Pelabuhan Kuantan.